


**JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

(A):NO.: 100-4/10 JLD.4/(60)

Bil. JBNS:

Tarikh : 9 Oktober 2019

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan  
Mayor Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu  
Presiden Majlis Perbandaran Tawau  
Presiden Majlis Perbandaran Sandakan  
Pengarah Pejabat Perhubungan Kerajaan Sabah  
Semua Ketua Kuasa Tempatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah  
Semua Cawangan Jabatan Bendahari Negeri Sabah


Yang Berhormat/Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6/2019  
BAGI PELAKSANAAN PEMBAYARAN BAYARAN AM AMAUN RM50,000.00 DAN KE  
BAWAH DI TIGA (3) BUAH CAWANGAN JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH**

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1. Pada masa ini kesemua sembilan (9) buah Cawangan Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) telah diberi had kebenaran membayar baucar am berjumlah RM10,000.00 dan ke bawah. Untuk mempertingkatkan lagi sistem penyampaian dalam mempercepatkan proses pembayaran baucar di peringkat daerah maka had pembayaran di atas telah dinaikkan secara berperingkat mengikut Cawangan JBNS yang terpilih.

...2/-



Ruj.: JBNS:(A):NO.: 100-4/10 JLD.4/(60)

Tarikh: 9 Oktober 2019

## 2. TUJUAN

- 2.1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan pembayaran baucar-baucar bayaran am bagi amaun RM50,000.00 dan ke bawah di tiga (3) buah Cawangan JBNS seperti jadual di bawah.
- 2.2. Untuk memudahkan pelanggan JBNS di daerah kerana baucar-baucar yang mempunyai amaun RM50,000.00 dan ke bawah dibayar di Pejabat Cawangan JBNS.

## 3. PELAKSANAAN

- 3.1. Had bayaran semasa dan baharu:-

Pejabat Cawangan JBNS	Daerah Di Bawah Pejabat Cawangan JBNS	Had Bayaran Semasa (Dan Ke Bawah)	Had Bayaran Yang Baharu (Dan Ke Bawah)
Cawangan Tawau	Tawau, Semporna, Kunak dan Kalabakan.	RM10,000.00	RM50,000.00
Cawangan Keningau	Keningau, Tenom, Kemabong, Sook, Nabawan, Pagalungan, dan Tambunan.		
Cawangan Beaufort	Beaufort, Membakut, Menumbok, Kuala Penyu dan Sipitang.		

- 3.2. Jabatan-jabatan boleh menghantar baucar-baucar ke Cawangan JBNS bermula dari tarikh pelaksanaan kecuali baucar-baucar dari Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).